

Projek ternak ikan bioflok jana hasil lumayan

BH 5/12/24 Pg 19

Batu Gajah: Inisiatif Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Piandang, Siputeh, di sini, mengubah lot tanah terbiar kepada projek ternakan ikan tilapia merah menggunakan sistem bioflok sejak September lalu dijangka mampu meraih pendapatan mencecah lima angka.

Pengerusi JPKK Kampung Piandang, Umar Ali Sellaman Kuti, berkata proses pembangunan projek Pusat Akuakultur Bioflok Siputeh di kawasan seluas 0.8 hektar itu bermula Jun lalu dengan peruntukan RM100,000 di bawah Program Sejahtera Komuniti Madani (SejaTi MADANI).

“Dana berkenaan kita terima sekitar penghujung Mei lalu. Sebulan kemudian kita sudah mula proses pembinaan pusat ternakan ikan ini yang dilengkapi dengan beberapa kemudahan asas seperti pejabat, tandas, kolam kanvas serta mesin oksigen.

“Sejak awal September lalu kita mula masukkan benih ikan tilapia merah dan baung secara berperingkat ke dalam kolam ini dengan anggaran saiz sekitar tiga inci seekor,” katanya ketika ditemui, di sini.

Bapa kepada seorang cahaya

mata itu berkata, buat masa ini 16,000 ikan tilapia diternak dalam lapan kolam berkeluasan lima meter padu dengan saiz purata sekitar tujuh inci setiap ekor.

Umar Ali berkata, setiap dari kolam berkenaan dijangka mampu menghasilkan kira-kira 4,000 kilogram (kg) ikan tilapia merah dengan nilai pasaran mencecah RM40,000 sekali pengeluaran.

“Ikan tilapia ini akan mengambil masa kira-kira empat bulan untuk mencapai tempoh matang. Kita jangka pada awal Januari tahun depan boleh dijual dengan berat sekitar 400 gram seekor.

“Buat masa ini, beberapa pihak (pembeli) dari Perak, Kuala Lumpur dan Johor sedang berurusan dengan kita untuk tujuan pembelian ikan ini selepas mencapai tempoh matang,” katanya.

Penjimatan kos

Mengulas kelebihan sistem bioflok, beliau berkata, kaedah terbabit menggunakan bantuan bakteria khusus dan berperanan menguraikan sisa makanan dan buangan (najis ikan) menjadi flok atau gumpalan yang boleh dimakan semula oleh



Umar Ali memberi makan ikan di kolam projek Pusat Akuakultur Bioflok Siputeh di Batu Gajah, semalam.

(Foto BERNAMA)

ikan, sekali gus menjimatkan kos khususnya dalam penyediaan makanan serta penggunaan air bagi keperluan projek berkenaan.

“Jika ikut kaedah konvensional, kita perlu beri makan pelet paling kurang dua atau tiga kali sehari. Ini sudah tentu perlu menggunakan kos ribuan ringgit setiap bulan untuk pembelian pelet.

“Berbanding sistem bioflok, kita gunakan cecair (bakteria) khusus ke dalam kolam bagi memproses sisa buangan (najis)

ikan ini menjadi makanan semula. Jadi, dari situ kos untuk pembelian makanan itu dapat dijimatkan dan digunakan kepada keperluan lain,” katanya.

Umar Ali berkata, sistem ini secara asasnya mudah diuruskan dan kurang ancaman daripada binatang liar seperti merang, bangau dan ular.

Beliau berkata, hasil pendapatan dijana melalui projek berkenaan akan disalurkan kepada tabung komuniti bagi tujuan membantu golongan kurang berkemampuan.

Ditanya perancangan masa depan projek yang diusahakan, beliau berkata, pihaknya berhasrat mengusahakan pembenihan ikan tilapia merah dalam skala besar menggunakan kaedah sama.

“Ini antara perancangan masa depan yang saya lihat ada potensi untuk dikembangkan dan mampu mengaut keuntungan yang lumayan. Jika berjaya, ia juga boleh membuka ruang kepada orang kampung dari sudut peluang pekerjaan,” katanya. BERNAMA